



BULETIN BIL.1-2017
<http://ptg.selangor.gov.my>

BULETIN

PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

**Perkhidmatan Cemerlang,
Kualiti Diutamakan**

ISI KANDUNGAN

UTAMA

- 03 Seminar Smart Strata : "Towards A Feasible Future"
- 05 Sesi Santai 60 Minit Pengarah Ptgs Bersama Warga Kerja PTGS
- 06 Tanah Rizab Melayu Di Selangor Terus Terpelihara
- 07 e-Charting

PERISTIWA

- 08 Kawad Bulanan Penguakuasaan Menentuk Pasukan Yang Ulung: Di Mana Bumi Dipijak, Di Situ Langit Dijunjung!
- 09 Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Antara Negeri Selangor dan Negeri Perak
- 10 MAMPU-PTGS: Perbincangan dan Lawatan Penanda Aras Bagi Kajian Pengambilan Balik Tanah Bagi Projek Pembangunan Sistem Pengairan Tersier MADA
- 11 Mesyuarat Perbincangan Halatuju Pentadbiran Tanah Bersama Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Pentadbir Tanah Daerah Negeri Selangor
- 12 Perhimpunan Bulanan PTGS Bil. 1/2017 "PTGS: A Happy Working Environment"
- 14 Mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian Bersama Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah Selangor Bil.1/2017
- 15 Mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian Bersama Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah Selangor Bil.2/2017
- 16 Perhimpunan Bulanan PTGS Bil.2/2017 "PTGS Fly High"
- 18 Lawatan Audit Pengurusan & Pentadbiran Tanah, Pejabat Tanah Daerah Bagi Skop Lesen Pendudukan Sementara
- 20 Dasar Pemilikan Hartanah Oleh Warganegara Asing: Satu Kajian Perbandingan

TAHUKAH ANDA?

- 22 Signs You Are Truly Happy

LAWATAN

- 23 Lawatan Kunjungan Hormat Pengarah SPRM Selangor ke PTGS
- Lawatan Pelajar KUIS ke PTGS

ILMU / KURSUS / BENGKEL

- 24 Kursus Penggunaan Perisian Quantum QIS
- Kursus Penggunaan Sistem E-Surat
- Bengkel Penambahbaikan Surat Sistem E-Consent
- 25 Pemantapan Dasar-Dasar Pentadbiran Dan Pengurusan Berkaitan Permohonan Pembangunan Dan Pelupusan Tanah Negeri Selangor
- 26 Bengkel Pemadanan Data PDUK - SPBT Bagi Keperluan Sistem E-Charting
- 27 Pemantapan Format-format Pentadbiran dan Pengurusan Berkaitan Bahan Baluan Negeri Selangor
- Bengkel Penyediaan "Annotated" kes-kes Mahkamah (Sivil) Berkaitan Isu Pendaftaran Hak Milik Tanah (Siri 1)
- 28 Siasatan Pembatalan Warla Seksyen 64, Kanun Tanah Negara, 1965 Bagi Daerah Hulu Langat, Petaling dan Klang
- Perbincangan Berkenaan Pengendalian Kertas Siasatan Bagi Kesalahan Di Bawah Seksyen 425 Dan Seksyen 426 Kanun Tanah Negara, 1965

KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN PTGS

- 29 Majlis Khatam Quran dan Ihya' Ramadan

PERKAHWINAN DAN KELAHIRAN

- 30 Kelahiran



SENARAI JAWATANKUASA EDITORIAL BULETIN PTGS

PENAUNG:

Tuan Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim

KETUA EDITOR:

Azlinawaty binti Ahmad Bahar

EDITOR:

Nurul Murni binti Suryani

SIDANG EDITORIAL / WAKIL BAHAGIAN:

Siti Zalekha binti Mohd Jailani
 Nooraidah binti Yahya
 Nik Azira binti Mohd Zin
 Mohd Nazrul bin Ngaimin
 Hafiza binti Mohammed Awam
 Jihan Musfirah binti Musa
 Wan Aine Noor Azureen binti Md Nasir
 Khairul Azhar bin Abdul Samad
 Aziz bin Hairon
 Naufal bin Ebrahim@Ibrahim
 Nurliana Aqilah binti Yunus
 Mohamad Naquiddin bin Mohamad Zainal
 Rabiatal Adawiah binti Mastor
 Rohayu binti Suhaimi
 Safizan bin Shahkarda
 Mohd Jeffry bin Omar
 Umi Amirah binti Hassan

PENYELARAS / FOTOGRAFI:

Muhammad Amirul Hakimi bin Azman

— SEMINAR — SMART STRATA

• 2017 •
Towards A Feasible Future



Seperti kita sedia maklum, Akta Hakmilik Strata telah dikuatkuasakan pelaksanaannya pada 1 Jun 1985 bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ianya bertujuan untuk menyediakan peruntukan perundangan dalam pendaftaran dan pengeluaran dokumen hakmilik bagi setiap petak dalam skim pembangunan berstrata. Akta ini telah beberapa kali dipinda iaitu pada tahun 1990, 1996, 2001, 2007, 2015, 2016 agar selaras dengan trend dan perkembangan urbanisasi pembangunan berstrata yang semakin meningkat.

Pindaan yang dibuat ke atas Akta Hakmilik Strata sebelum ini masih tidak dapat mengatasi beberapa cabaran dan isu antaranya tiada peruntukan yang mewajibkan permohonan pecah bahagi bangunan walaupun terdapat begitu banyak sekali pembangunan berstrata yang telah siap dibina dan diduduki seawal tahun 70-an lagi. Bagi mengatasi perkara ini, Jabatan Ketua Pengarah Dan Tanah Galian Persekutuan (JKPTG) telah menguatkuasakan

peruntukan baharu iaitu pada Akta Hakmilik Strata A1450 yang memastikan permohonan pecah bahagi bangunan dilaksanakan dan atau dikenakan tindakan susulan.

Pembangunan strata di Negeri Selangor telah mengalami evolusi di mana permintaan saban tahun semakin meningkat, terutama dengan keluasan tanah yang terhad dan kepadatan penduduk yang tinggi, ia merupakan salah satu skim pembangunan kediaman yang paling ideal dalam memenuhi permintaan rakyat. Justeru itu, Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah mengambil inisiatif dalam mengadakan Seminar Smart Strata 2017: "Towards a Feasible Future".

Seminar ini diadakan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai pembangunan strata yang makin meluas di negara ini, di samping memberikan gambaran holistik skim strata. Di antara isu-isu berkaitan skim strata yang telah dibincangkan merangkumi pembangunan strata, pengeluaran hakmilik strata, dan pengurusan skim strata. Seramai lebih kurang 400 orang peserta dari pelbagai lapisan masyarakat telah menghadiri seminar

yang pertama kali diadakan ini dan telah dirasmikan dengan sepenuhnya oleh YB Datuk Iskandar bin Abdul Samad yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar bagi Negeri Selangor.

"Dengan penganjuran seminar ini semua peserta dapat menerima dan memahami dengan lebih baik berkenaan hakmilik strata, dan pelaksanaan Akta Hakmilik Strata ini dapat dijalankan dengan lebih efektif serta dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Seminar ini juga merupakan satu resolusi yang kukuh dalam pemahaman dan penguatkuasaan hakmilik strata. Seminar *Smart Strata* adalah ideal dicetuskan seiring Gagasan *Smart Selangor* yang menjadi teras utama untuk memacu pembangunan negeri mencapai *Smart State Status*" ujar YB Datuk Iskandar di dalam ucapan perasmian beliau.

Pada seminar ini, beberapa slot pembentangan telah dirancang untuk dibentangkan oleh pembentang-pembentang yang berwibawa di dalam setiap isu yang dikupas dengan melihat pada evolusi dan transformasi pada masa kini.

Antara barisan penceramah yang telah memberi penglibatan penuh sepanjang dua (2) hari seminar ini terdiri daripada individu yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas di dalam bidang hartanah, termasuk kolumnis tersohor YBhg. Prof. Datuk Salleh Buang. Beliau juga merupakan seorang perunding sepenuh masa dan pernah berkhidmat di Jabatan Peguam Negara (AGC). Penceramah-penceramah lain termasuk juga Encik Chan Keat Lim; Pengarah Ukur (Seksyen Perundangan Kadaster) di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Encik Abdul Aziz bin Mohd Johdi; mantan Pengarah, Bahagian Dasar dan Konsultansi di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, serta Encik Mohd Syaifulrizal bin Abu Bakar, Ketua Penolong Seliausaha Kanan di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).



UTAMA

SESI SANTAI 60 MINIT PENGARAH BERSAMA WARGA KERJA PTGS

TARIKH : 10 MAC 2017 (JUMAAT)
MASA : 8.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT GEMILANG 2
PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

Pengisian Program :-



❖ Bacaan Yaasin



❖ Sesi Dialog

SESI SANTAI 60 MINIT PENGARAH PTGS BERSAMA WARGA KERJA PTGS

P TGS: Kemesraan Pengarah Tanah dan Galian Selangor, En. Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim bersama warga PTGS terserlah pada Sesi Santai Pengarah bersama Warga kerja PTGS yang diadakan pada 10 Mac 2016.

Sesi selama hampir 1 jam yang dihadiri oleh warga dan pengurusan kanan PTGS berlangsung secara santai, dimulakan dengan sesi bacaan Yassin yang dibimbing oleh Timbalan Pengarah (Pengurusan) En. Najmuddin bin Jemain dan seterusnya sesi Santai bersama warga PTGS diadakan.

Dengan cara penyampaian yang bersahaja, Pengarah dan warga PTGS bersama-sama berbual mesra sambil menjawab pertanyaan dan bersama-sama memberikan pandangan bagi menambahbaik perkhidmatan di PTGS. Pengarah juga menyeru agar semangat kerjasama dan suasana kerja seperti ini terus dikekalkan agar keharmonian bekerja dapat diangkat sekaligus meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja.

Sesi yang bersahaja ini diselangi dengan minuman teh tarik dan sarapan nasi lemak bersama-sama warga PTGS memberikan suasana kekeluargaan dan merapatkan lagi ukhwah antara warga PTGS.

Sementara itu antara warga PTGS yang ditemui selepas sesi itu berkata sesi yang dianjurkan ini menunjukkan bahawa Pengurusan Tertinggi Jabatan tidak memandang remeh sumbangan warga PTGS terhadap Jabatan khususnya dan pembangunan Negeri amnya.



SABAK BERNAM

HULU



TANAH RIZAB MELAYU DI SELANGOR TERUS TERPELIHARA

Tanah Rizab Melayu (TRM) merupakan salah satu jaminan keistimewaan bagi orang-orang Melayu yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan yang dimetrai dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu Tahun 1948. Perkara 89 Fasal 6 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa Tanah Rizab Melayu bererti tanah yang dirizabkan untuk diberi milik kepada orang Melayu bagi Negeri di mana terletak tanah berkenaan. Manakala merujuk kepada Seksyen 2, Enakmen Rizab Melayu (ERM) (Negeri Melayu Bersekutu Bab 142) 1935, TRM bererti satu Rizab Melayu yang diisytiharkan dan diwartakan dengan sempurna di bawah peruntukan ERM atau ERM 1913.

Kuasa pengisytiharan sesuatu TRM adalah terletak di bawah kuasa Menteri Besar dengan kelulusan Raja Dalam Mesyuarat. Pengisytiharan Tanah Rizab Melayu juga perlu dibuat melalui Warta Kerajaan yang bertujuan untuk mewujudkan, membatalkan, meminda had atau sempadan TRM dan memasukkan tanah ke dalam kawasan TRM yang sedia ada.

Berdepan cabaran ekonomi hari ini, TRM perlu diberikan perhatian khusus demi memelihara kepentingan rakyat. Apatah lagi, Negeri Selangor hari ini berdepan dengan isu pembangunan hartanah yang begitu pesat seiring dengan gagasan membangun Smart Selangor yang peduli. Menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk menjaga dan memelihara kepentingan-kepentingan bangsa atau orang Melayu di

atas Tanah-Tanah Rizab Melayu selaras dengan Perkara 89, Perlembagaan Persekutuan. Merujuk kepada Seksyen 8(ii), Enakmen Rizab Melayu (ERM), tiada apa jua pegangan Melayu boleh dipindahmilik, digadai, dipajak atau dilupuskan dengan cara lain kepada mana-mana orang yang bukannya seorang Melayu dan tiada apa jua memorandum pindahmilik, gadaiah atau pajakan yang bertentangan dengan seksyen ini layak untuk pendaftaran di mana-mana Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftaran Hakmilik.

Justeru, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Daerah di seluruh Negeri Selangor telah menerbitkan Edisi Pertama mengenai pewartaan Tanah Rizab Melayu Di Negeri Selangor. Sesalinan kompilasi buku ini telah dipersembahkan kepada Pejabat Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor pada 6 Disember 2016. Penerbitan ini boleh dijadikan sebagai sumber rujukan yang komprehensif buat seluruh Pejabat Tanah dan Daerah Negeri Selangor, para penyelidik, agensi kerajaan atau swasta serta mana-mana jabatan atau individu yang memerlukan maklumat atau inventori Tanah Rizab Melayu di Negeri Selangor. Semoga usaha ini dapat melonjakkan lagi potensi dan daya saing Tanah Rizab Melayu di Negeri Selangor.

Setakat 30 Jun 2016, jumlah keluasan TRM di Negeri Selangor yang telah diwartakan adalah sebanyak 396,245.69 ekar. Walaubagaimanapun, TRM ini boleh dibatalkan status pewartaannya. Namun ERM telah menetapkan supaya semua TRM yang dibatalkan hendaklah diganti. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri

memandang serius ke atas penggantian TRM yang telah dibatalkan. Mengikut rekod, jumlah TRM yang telah dibatalkan dari tahun 2010 hingga 2016 adalah sebanyak 133.016 ekar. Manakala, 1,530.345 ekar telah diisytiharkan (digantikan) sebagai TRM.

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan TRM yang dibatal, digantikan agar terus kekal terpelihara dari segi jumlah keluasan. Pengarah Tanah dan Galian Selangor telah mengeluarkan (Pekeliling PTGS Bilangan 3 Tahun 2015) mengenai Garis Panduan Urusan Pembatalan Dan Penggantian Tanah Rizab Melayu (TRM) Semasa Pengambilan Tanah Bagi Tujuan Awam Atau Kemudahan Awam Bagi Kegunaan Kerajaan Negeri Dan Kerajaan Persekutuan Di Negeri Selangor Darul Ehsan yang dikuatkuasakan pemakaiannya di Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) pada 20 Mei 2015. Pekeliling ini telah menetapkan sekiranya terdapat TRM yang terlibat dengan pengambilan, TRM yang dibatalkan hendaklah diganti serentak.

Selain itu, Jawatankuasa Khas Pengurusan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu Negeri Selangor, atau dikenali sebagai JKPPTRM telah ditubuhkan pada Ogos 2014 yang lalu bagi tujuan menambahbaik pengurusan TRM di Negeri Selangor. Semoga kerjasama semua yang terlibat di dalam usaha ini dapat dikekalkan dan seterusnya menjadi pemangkin kepada Negeri Selangor agar terus maju dan makmur pada masa kini dan akan datang.



GARIS PANDUAN
URUSAN PEMBATALAN
DAN PENGGANTIAN
TANAH RIZAB MELAYU
(TRM) SEMASA
PENGAMBILAN TANAH
BAGI TUJUAN AWAM
ATAU KEMUDAHAN
AWAM BAGI
KEGUNAAN
KERAJAAN NEGERI
DAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
DI NEGERI SELANGOR
DARUL EHSAN

SI (PE) dlm. PTGS/CRS/000000-JL 8

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BIL. 3/2015

GARIS PANDUAN URUSAN PEMBATALAN DAN PENGGANTIAN
TANAH RIZAB MELAYU (TRM) SEMASA PENGAMBILAN TANAH
BAGI TUJUAN AWAM ATAU KEMUDAHAN AWAM BAGI
KEGUNAAN KERAJAAN NEGERI DAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pemandir Tanah Daerah (PTD) berkaitan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 17/2015 yang diadakan pada 20 Mei 2015 yang telah ditetapkan oleh MMKN ke 18/2015 pada 3 Jun 2015 berkaitan Garis Panduan Urusan Pembatalan Dan Penggantian Tanah Rizab Melayu (TRM) Semasa Proses Pengambilan Tanah Bagi Kegunaan Kerajaan Persekutuan Atau Kerajaan Negeri Dalam Negeri Selangor Darul Ehsan.

2. LATAR BELAKANG


- 2.1 Berdasarkan kepada Laporan Ketua Audit Negara Sesi 2 Tahun 2013 (LKAN 2/2013), telah dibatalkan isu proses penggantian TRM yang dibatalkan adalah tidak memuaskan.

UTAMA

e-Charting

Apa Itu e-Charting

Merupakan satu aplikasi yang berasaskan teknologi web dan *desktop Geographic Information System (GIS)* yang memudahkan penyediaan pelan, laporan, pengemaskinian dan penyimpanan data pelan dalam bentuk geospasial secara bersepadu.



Objektif e-Charting

- Mengatasi dan mengurangkan isu permohonan tanah yang bertindih.
- Memastikan maklumat *spatial* dan *non-spatial* direkod dengan lebih sempurna dan teratur.
- Menyimpan pelan lama dan pelan baharu secara digital dalam pangkalan data tunggal.
- Menguruskan syit piawai dengan lebih baik.

Fasa pembangunan e-Charting

Pembangunan e-Charting bermula pada Oktober 2015 dan projek rintis telah dilaksanakan di Pejabat Tanah Daerah Gombak. Sistem ini mula digunakan secara rasmi di PTD Gombak pada 1 April 2016. Untuk perancangan seterusnya PTG akan mengorak langkah untuk memperluaskan e-Charting di seluruh daerah di Selangor secara berfasa bermula pada tahun 2017 hingga 2018.

Kebaikan e-Charting

- Dokumen fizikal lebih terpelihara-semakan boleh dibuat melalui sistem kecuali bagi kes tertentu.
- Sebarang pertindihan permohonan dapat dilihat melalui sistem ini.
- Memudahkan proses pengauditan kerana semua proses atau aktiviti dapat dipantau dan disemak dari masa ke semasa.



KAWAD BULANAN PENGUATKUASAAN MEMBENTUK PASUKAN YANG ULUNG : DI MANA BUMI DIPIJAK, DI SITU LANGIT DIJUNJUNG!

Tugas sebagai penguatkuasa kini semakin mencabar serta memerlukan ketahanan mental dan fizikal. Justeru, Bahagian Penguatkuasaan, pengambilan Tanah dan teknikal PTGS telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan latihan kawad bersepadu yang wajib dihadiri oleh semua Penguatkuasa di Pejabat Tanah dan Daerah di Seluruh Negeri Selangor. Melalui latihan ini kawada secara berkala ini, para penguatkuasa dapat membentuk semangat setiakawan, meningkatkan disiplin dan patuh kepada setiap arahan yang diberi. Kepatuhan platun kepada ketua memberi implikasi positif sekaligus mempamerkan contoh taat setia kepada kepimpinan. Para penguatkuasa terus diingatkan untuk berusaha gigih untuk menyahut cabaran dan amanah yang diberikan di dalam memastikan penguatkuasaan selari dengan Kanun Tanah Negara 1960 dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa sekaligus menjaga kepentingan tanah di Negeri Selangor.



MESYUARAT JAWATANKUASA BERSAMA TEKNIKAL PENANDAAN DAN PENGUKURAN SEMPADAN BERSAMA ANTARA NEGERI SELANGOR DAN NEGERI PERAK

Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antara Negeri Selangor Dan Negeri Perak telah dipengerusikan bersama oleh Pengarah PTGS bersama PTG Perak. Mesyuarat pada kali ini membincangkan status terkini penandaan dan pengukuran sempadan antara Negeri Selangor dan Negeri Perak yang masih dalam proses bagi memuktamadkan draf ToR dan MoU.

Asas penentuan Sempadan antara Negeri Selangor dan Negeri Perak adalah :

- Penentuan sempadan antara Negeri Selangor dan Negeri Perak adalah berdasarkan pertengahan Sungai Bernam dengan merujuk kepada Warta Kerajaan Negeri Perak bernombor 229 bertarikh 12 April 1901 dan merujuk kepada "Treaty With Perak" dan "Salangore" (Perjanjian Anderson) pada tahun 1825; dan
- Sungai Bernam adalah sungai yang diwartakan sebagai keseluruhan jajarannya oleh *Federated Malay States Government Gazette* No. 7692 bertarikh 7 Disember 1928

Pelbagai aspek, proses dan teknikal dibincangkan dan beberapa maklumat teknikal perlu diperolehi daripada agensi yang berkaitan untuk tindakan seterusnya. Keseluruhannya, hasil daripada mesyuarat tersebut, kedua-dua pihak bersetuju pembetulan dalam ToR dan MoU dipinda terlebih dahulu sebelum dimuktamadkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri Selangor dan Negeri Perak akan datang yang akan dihoskan oleh PTG Perak.





MAMPU-PTGS: **PERBINCANGAN DAN LAWATAN PENANDA ARAS BAGI KAJIAN PENGAMBILAN** **BALIK TANAH BAGI PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM PENGAIRAN TERSIER MADA**

Pihak Malaysian Administrative Modernisation And Management Planning Unit (MAMPU) telah dipertanggungjawabkan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara untuk mengkaji dan menambahbaik kaedah pengambilan balik tanah bagi Projek Pembangunan Sistem Pengairan Tersier, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Negeri Perlis dan Kedah. Sehubungan dengan itu, pihak MAMPU telah hadir ke Pejabat tanah dan Galian Selangor bagi mengadakan perbincangan dan Lawatan Penanda Aras Bagi Kajian Pengambilan Balik Tanah Bagi Projek Pembangunan Sistem Pengairan Tersier MADA. Lawatan yang telah diadakan pada 11 Januari 2017 ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai Kanan MAMPU dan dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah (Pengurusan) PTGS Encik Najmuddin bin Jemain untuk mendapatkan pandangan serta input-input bagi mempercepatkan proses pengambilan balik tanah bagi Projek MADA. Perkongsian pengalaman dan amalan terbaik yang diamalkan dalam proses pengambilan balik tanah diperingkat negeri telah dibincangkan secara khusus di dalam untuk memudahkan pihak MAMPU dalam melaksanakan kajian ini.



PERISTIWA



MESYUARAT PERBINCANGAN HALATUJU PENTADBIRAN TANAH BERSAMA Y.B. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR DAN PENTADBIR TANAH DAERAH NEGERI SELANGOR

Pada tahun 2016 Negeri Selangor telah menempuhi pelbagai kenangan dan kejayaan yang membanggakan. Bajet yang dibentangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 31 Oktober 2016 telah memberikan ilustrasi pencapaian yang boleh menjadi motivasi kepada seluruh penjawat Awam Negeri Selangor amnya dan warga kerja Pentadbiran Tanah khususnya untuk mencapai sesuatu yang lebih cemerlang pada tahun-tahun yang akan datang. Apa yang lebih membanggakan ialah hasil tanah dan hasil urusniaga berkaitan tanah tetap menjadi penyumbang utama kepada hasil Negeri.

Kejayaan tersebut tidak dapat dicapai tanpa kerjasama dan komitmen daripada semua warga Pentadbiran Tanah di Negeri Selangor sama ada di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan di Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS). Justeru diharapkan agar kerjasama lebih erat dapat dipertingkatkan lagi untuk memastikan pengurusan pentadbiran tanah yang lebih lancar, efisien dan mampan.

Sehubungan dengan itu, satu Mesyuarat Halatuju Pentadbiran Tanah Negeri Selangor secara santai telah diadakan



antara Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan semua Pentadbir Tanah Daerah Negeri Selangor secara (Sesi Santai Bersama) antara Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Semua Pentadbir Tanah Daerah telah diadakan pada 16 Januari 2017 di Setia Alam. Mesyuarat tertutup antara Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahyia bersama Pengarah Tanah dan Galian dan semua Pentadbir Tanah ini membincangkan mengenai Halatuju Pentadbiran Tanah di samping memberikan amanat kepada semua Pentadbir Tanah di dalam pelbagai aspek termasuk penelitian khususnya dalam sasaran bagi meningkatkan hasil Negeri. Nasihat dan panduan daripada aspek integriti, akauntabiliti dan kompetensi daripada Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri turut dijadikan sebagai landasan untuk mentadbir urus Pentadbiran tanah di Negeri Selangor.





PERHIMPUNAN BULANAN PTGS BIL.1/2017 "PTGS: A HAPPY WORKING ENVIRONMENT"

Pada 28 Februari 2017, PTGS telah mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan Bil.1/2017 yang dihoskan oleh Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah yang bertempat di Dewan Annex, Dewan Undangan Negeri Selangor.

Majlis dirasmikan oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Encik Ahmad Suadi bin Abdul Rahim dan turut dihadiri oleh warga kerja PTGS. Majlis turut meraikan bekas warga kerja PTGS yang telah bertukar dan kini berkhidmat di jabatan lain. Pada perhimpunan ini juga warga PTGS telah meraikan Pengarah PTGS yang telah genap berkhidmat selama satu (1) tahun di PTGS.

Tema perhimpunan yang diangkat pada kali ini adalah PTGS : A Happy Working Environment dimana ia memberi penekanan terhadap suasana persekitaran kerja yang harmoni. Seiring dengan tema ini, *work life balance* telah dianjurkan di Jabatan ini agar semua warga kerja PTGS dapat mengimbangi antara keseronokan kerja dan kehidupan.

Bagi memeriahkan perhimpunan pada kali ini, *Mannequin Challenge* telah diadakan dan disertai oleh semua Bahagian termasuk penglibatan pengurusan tertinggi.



PERISTIWA



Video Mannequin Challenge telah mencuit hati pengurusan tertinggi



Urusetia bergambar kenangan bersama Pengarah PTGS



Lagu khas turut didendangkan





MESYUARAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN BERSAMA PENTADBIR-PENTADBIR TANAH DAERAH SELANGOR BIL.1/2017

Pada 6 Mac 2017 (Isnin), telah berlangsungnya Mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bersama Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah Selangor Bil.1/2017. Mesyuarat ini diadakan di Bilik Gerakan MTES, Bangunan SSAAS.

Beberapa 7 kertas pembentangan telah dibentangkan. Antaranya adalah:

- Pembentangan dan Demo e-Chating
- Anggaran Permohonan & Kutipan Premium dan Hasil
- Plan Panduan Pelupusan Tanah Kerajaan melalui Tender Terbuka
- Permohonan Permit Bahan Batuan (Borang 4C) dan Dasar Mineral



PERISTIWA



MESYUARAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR BERSAMA PENTADBIR TANAH DAERAH SELANGOR BIL.2/2017

Pada 23 Mei 2017 (Selasa), telah berlangsungnya Mesyuarat Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bersama Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah Selangor Bil.2/2017 di Petaling Jaya. Pada mesyuarat ini satu sesi penyerahan kad kuasa kepada semua Pegawai Pejabat Tanah dan Daerah di Negeri Selangor.





PERHIMPUNAN BULANAN PTGS BIL.2/2017 "PTGS FLY HIGH"

Pada 9 Mei 2017, PTGS telah mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan Bil.2/2017 yang dihoskan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Teknologi Maklumat, dan Bahagian Korporat dan Audit Pengurusan Tanah yang bertempat di Dewan Annex, Dewan Undangan Negeri Selangor.

Majlis dirasmikan oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Encik Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim dan turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah, para pegawai dan warga kerja PTGS.

Bertemakan "PTGS Fly High", perhimpunan pada kali ini mempunyai sedikit kelainan dimana konsep penerbangan "airlines" diwujudkan pada awal hingga akhir majlis. "PTGS Fly High" telah diangkat sebagai tema untuk penganjuran majlis perhimpunan bulanan pada kali ini. Berdasarkan tema ini, ia memberikan gambaran yang jelas kepada kita bahawa PTGS kini terus memacu pentabiran tanah di negeri ini khususnya dan negara amnya untuk ke puncak kegemilangan yang lebih unggul. Mentadbir urus tanah negeri Selangor yang penuh dengan kepesatan pembangunan adalah



PERISTIWA



bukan satu tugas yang mudah. Justeru, seluruh tenaga kerja PTGS telah bertungkus lumus berkerja selaras dengan dasar-dasar kerajaan melalui perkhidmatan yang cekap dan inovatif kepada pelanggan. Tanggungjawab ini dipikul bersama-sama seluruh warga kerja PTGS bagi di dalam merealisasikan hasrat untuk menjadikan PTGS sebagai Peneraju Perkhidmatan Tadbir Urus Tanah Yang Terbaik Dan Cemerlang.



Kapten PTGS memberikan amanat dengan penuh ceria memastikan para penumpang selamat ke destinasi



PTGS menduduki naib johan di dalam pasukan Bola Jaring PTGS semasa anjuran Puspanita SUK Selangor



Sesi meraikan Hari Lahir Warga PTGS Januari hingga April 2017



LAWATAN AUDIT PENGURUSAN & PENTADBIRAN TANAH, PEJABAT TANAH DAERAH BAGI SKOP LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS)

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar, Pejabat Tanah adalah merupakan salah satu entiti utama Pentadbiran yang mempunyai fungsi yang signifikan dalam merealisasikan tujuan dan matlamat Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian pemantauan dan pemeriksaan berkala dari semasa ke semasa perlu dilaksanakan. Ini bagi memastikan Pejabat Tanah sentiasa berada pada tahap yang terbaik untuk menjalankan fungsinya.

Pelaksanaan pengauditan dalam hal ehwal pentadbiran dan pengurusan tanah khususnya berkaitan aktiviti Lesen Pendudukan Sementara (LPS) adalah sebagai satu langkah proaktif dalam pemantauan dan penguatkuasaan ke arah memastikan Pengurusan Tanah Negeri sentiasa memuaskan.

Berkuatkuasa mulai 10 Jun 2015, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 19/2015 telah meluluskan dan mengarahkan pelaksanaan LPS menurut Seksyen 65 Akta Kanun Tanah Negara 1965 (merujuk kepada pemakaian Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 4/2015 dan Bilangan 2/2013) di Pejabat Tanah dan Daerah seluruh Negeri Selangor. Susulan keputusan MMKN tersebut juga, Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) telah diarahkan



Audit Tanah di PTD Hulu Selangor

untuk melaksanakan pengauditan ke Pejabat Tanah dan Daerah yang terpilih.

Bagi maksud ini, PTGS telah merangka jadual lawatan secara berkala bagi semua PTD untuk membuat semakan audit khusus di dalam skop Lesen Pendudukan Sementara. Pada tahun 2017, sesi lawatan audit telah dijadualkan mengikut dua (2) penggal utama iaitu pada separuh penggal pertama (Jan-Jun) dan separuh penggal kedua (Julai-Disember). Pada separuh Penggal Pertama, tiga (3) Daerah telah dilawati bagi tujuan audit LPS iaitu Daerah Hulu Selangor pada 18 hingga 20 April 2017, daerah Sabak Bernam pada 2 hingga 4 Mei 2017 dan Daerah Sepang pada 16 hingga 18 Mei 2017. Tumpuan skop pengauditan adalah merujuk kepada pematuan proses permohonan LPS berdasarkan Manual Prosedur Kerja yang ditetapkan oleh PTGS dan arahan-arahan lain yang sedang berkuatkuasa.

Garis panduan dan skop pengauditan yang ditetapkan dan digunapakai adalah berdasarkan kepada proses kerja yang termaktub dan sedia ada di dalam Manual Kanun Tanah Negara serta mematuhi

PERISTIWA



Audit Tanah di PTD Sabak Bernam

Kaedah Tanah Negeri, arahan-arahan dan surat-surat Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor, dasar-dasar Kerajaan yang berkuatkuasa.

PTGS turut melihat pemakaian dan pematuhan kepada garis panduan melalui Prosedur Operasi Standard (S.O.P) bagi tujuan pengemaskinian dan penyeragaman prosedur ke atas pelaksanaan pengurusan serta pentadbiran tanah yang boleh ditambahbaik keseluruh daerah di Negeri Selangor.

Pada setiap lawatan auditan, cadangan atau syor penyelesaian akan dibentangkan ke arah penambahbaikan serta pembetulan. Laporan auditan dipanjangkan kepada Pegawai Daerah

berkaitan untuk tindakan lanjut dan turut disalinkan kepada Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Melalui lawatan audit ini, kerjasama yang padu di antara semua PTD dan PTGS yang sedia terjalin dapat terus dikekalkan sebagai pemudahcara dalam menangani pelbagai isu atau perkara yang berbangkit. Selain itu, ia juga dapat memberikan ilmu baharu kepada warga kerja baharu mengenai perbezaan proses kerja dan amalan lama yang dapat diselaraskan semula. Lawatan ini juga dapat memastikan semua isu atau permasalahan dapat diselesaikan dan fail-fail permohonan diproses mengikut prosedur yang ditetapkan serta seragam.



Audit Tanah di PTD Sepang



DASAR PEMILIKAN HARTANAH OLEH WARGANEGARA ASING: Satu Kajian Perbandingan

Polisi perumahan terutama syarat pemilikan hartanah membabitkan warga asing di Negeri Selangor berdasarkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Bil. 1/2014 yang mula berkuatkuasa pada 1 September 2014 amatlah bertepatan dalam membendung pemilikan harta tanah oleh warga asing di Negeri Selangor. Pemakaian pekeling ini juga adalah bagi menggantikan pekeling terdahulu yang berkaitan

Penguatkuasaan pemakaian Pekeliling PTGS Bil. 1/2014: Garis Panduan Perolehan Hartanah Oleh Warganegara Asing/Penduduk Tetap/Syarikat Asing Di Negeri Selangor secara tidak langsung dapat menyekat kenaikan harga pasaran terutamanya pembelian terus daripada pemaaju ini kerana kuasa Ringgit Malaysia (RM) yang semakin rendah dan ini memberi kelebihan kepada warga asing untuk membeli hartanah sehingga menyukarkan pemilikan hartanah oleh warga tempatan. Selangor sebagai sebuah negeri yang pesat membangun menyumbang hampir 1/4 dari KDNK Negara. Justeru, tekanan dari warga asing untuk memiliki hartanah sama ada bagi tujuan pelaburan atau kediaman amatlah tinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Satu kajian sekatan yang dilaksanakan oleh negara-negara Asian (Indonesia, Thailand dan Singapura) dan Australia dalam melaksanakan sekatan pemilikan hartanah oleh warga asing telah dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Tetap (Standco) Pembangunan Tanah dan Sumber Alam Bil. 1/2017 yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Mohamed Azmin Ali, Dato' Menteri Besar Negeri Selangor telah diadakan pada 30 Mei 2017 mengenai isu-isu berikut:

SIAPAKAH YANG BOLEH MEMBELI ATAU MEMILIKI HARTANAH ?

DI NEGERI SELANGOR

Individu	Terbuka kepada semua warganegara asing dan penduduk tetap yang layak
Syarikat Asing	Permohonan dipertimbangkan bagi yang memenuhi kriteria seperti berikut :- 1. Berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mengikut Akta Syarikat 1965 2. Mengemukakan Borang 24 dan Borang 49 yang terkini diakui oleh Setiausaha Syarikat yang berdaftar dan carian rasmi daripada SSM 3. Syarikat diberi kuasa secara nyata untuk memiliki tanah seperti yang terkandung dalam "Memorandum Articles Of Association"

Rujukan : Para 3.2.8 dan 3.2.9 Pekeling PTGS Bil. 1/2014



Pembelian hartanah oleh warga asing bagi setiap negara-negara perbandingan adalah berbeza, di Indonesia pembelian hartanah oleh warga asing adalah paling ketat dilaksanakan contohnya perlu menikahi warga Indonesia untuk memiliki/membeli hartanah

SIAPAKAH YANG BOLEH MEMBELI ATAU MEMILIKI HARTANAH? (PERBANDINGAN NEGARA)

MALAYSIA	INDONESIA	THAILAND	SINGAPURA	AUSTRALIA
Individu * Bukan warganegara	Individu * Bukan warganegara * perlu mendapat status warganegara Indonesia dan diperbaharui setiap 2 tahun * Menikahi orang Indonesia dan wajib mendaftarkan harta yang dibeli dalam surat perjanjian nikah	Individu * Individu lelaki boleh memiliki harta sekiranya berkahwin dengan wanita Thailand	Individu * Bukan warganegara * perlu mendapat status warga Singapura	Individu * Bukan warganegara
Syarikat * Akta Syarikat 1965 (50% atau lebih syer dipegang oleh bukan warganegara)		Syarikat * Majoriti saham dimiliki oleh warga Thailand (51% atau lebih syer dipegang oleh warga Thailand)	Syarikat * Tidak menjalankan operasi di Singapura	Syarikat * Saham minima 15% dimiliki oleh Warga asing * kelulusan dari Foreign Investment Review Board ("FIRB")


APAKAH JENIS HARTANAH YANG BOLEH DIBELI ATAU DIMILIKI? (PERBANDINGAN MENGIKUT NEGARA)

	* "Landed property" dan "strata" * Syarat pemilikan berbeza mengikut negeri
	* "Landed property" dan "strata" * Tanah kosong adalah tidak dibenarkan
	* "Landed property" dan "strata" * "Landed property" dan tanah kosong tidak dibenarkan kecuali mematuhi syarat-syarat pemilikan yang ditetapkan
	* "Landed Strata" tetapi memerlukan kelulusan dari "Land Dealings Approval Unit, Singapore Land Authority" * "Landed property" dan tanah kosong adalah tidak dibenarkan
	* Hartanah rumah yang baru didirikan, tanah kosong dan perniagaan

Syarat pemilikan yang dibenarkan adalah tertakluk kepada polisi negara dan sekatan yang paling ketat adalah di negara Singapura.

PERISTIWA

HARGA MINIMUM YANG DIBENARKAN UNTUK PEMBELIAN HARTANAH (KEDIAMAN) ? (PERBANDINGAN MENGIKUT NEGARA)



Australia mengenakan syarat minima bagi kediaman pada harga AUD 1 juta (USD 750 ribu) merupakan yang tertinggi jika dibandingkan dengan negara-negara lain

TEMPOH PAJAKAN YANG DIBENARKAN KE ATAS PEMILIKAN HARTANAH ? (PERBANDINGAN MENGIKUT NEGARA)



Di Thailand tempoh pajakan adalah paling singkat iaitu selama 30 tahun sahaja yang dibenarkan bagi pemilikan warga asing

Daripada hasil kajian ini, Pemilikan hartanah oleh warga asing perlu dikawal selia secara holistik bagi menjaga kepentingan negara (kedaulatan). Pelaburan hartanah oleh warga asing adalah perlu bagi meningkatkan ekonomi negara, namun begitu kerajaan negeri sentiasa memantau garis panduan pemilikan hartanah oleh warga asing dari semasa ke semasa. Dengan pemakaian Pekeliling PTGS Bil. 1/2014, Ia jelas menunjukkan kerajaan negeri mengamalkan dasar keterbukaan pemilikan hartanah oleh warga asing dengan mengenakan syarat pemilikan yang lebih fleksibel jika dibandingkan dengan amalan negara-negara lain.

MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP (STANDCO) PEMBANGUNAN TANAH DAN SUMBER ALAM BIL. 1/2017

Disamping itu, mesyuarat ini juga berfokus ke arah isu-isu berkaitan urus tadbir Sumber Tanah di Negeri Selangor dan dasar-dasar yang



berkaitan. Perbincangan dan keputusan yang dibincangkan dilaksanakan mengikut strategi yang bersesuaian dengan hasrat Kerajaan Negeri terhadap kepentingan prestasi dan pencapaian keseluruhan Perkhidmatan Awam Negeri Selangor.

Mesyuarat ini juga merupakan platform percambahan fikiran dan pertemuan pelbagai pihak di peringkat tertinggi Pengurusan Kerajaan Negeri ke arah jaminan kelangsungan hasil yang berterusan kepada Kerajaan Negeri. Antara lain yang turut dibincangkan adalah Status Terkini Kaedah Pelaksanaan Cukai Pelak dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Urusan Pecah Bahagian Dan Pecah Sempadan Tanah.

TENDER TERBUKA- DASAR TELUS KERAJAAN

Dalam memastikan Kerajaan Negeri mengamalkan dasar yang telus Mesyuarat ini telah meneliti tanah-tanah Kerajaan yang berpotensi untuk ditawarkan secara terbuka. Melalui Arahan PTGS Bil. 3/2016, satu garis panduan dalam memastikan ketelusan bagi seliap tanah yang akan ditawarkan diikuti sepenuhnya oleh Pentadbir Tanah sehingga tanah tersebut disahkan oleh MMKN.

Secara keseluruhannya, mesyuarat Jawatankuasa ini membuat keputusan selari dengan hasrat Kerajaan Negeri, "Membangun Bangsa, Memakmur Negeri".



TAHUKAH ANDA?



SIGNS YOU ARE TRULY HAPPY

1. Daily Exercise.

Happy people are also more likely to engage in health-promoting behaviors, according to a recent study at the University of North Texas. Additionally, the American Psychological Association has found that exercise significantly decreases depression across all age categories and both genders.



6. Live in the now.

When people's minds drift from the task or activity at hand, they are less happy than when fully engaged in whatever they are doing.

Bonus Fact:

People spend nearly 47% of their waking hours with their minds wander ... I'm sorry, what were we talking about?

2. Happy Friends.

Each additional happy friend you have increases your probability of being happy by about 9%.

7. Gratitude.

Use the resources that you have. Instead of focusing on what you don't have, recognize and make the best of your own gifts. Grateful persons are characterized by the appreciation of life's simple pleasures, and happy people feel more gratitude in their lives.

3. Smart thrills.

Happy people don't need to dive 50 feet into a gorge or snort cocaine in order to get their kicks. They're content with reality, and understand that reckless leads to wreck more.

8. Bounce back.

A baseline level of contentment is an emotional safe-harbor. Happy people leave occasionally for bouts blues or bliss, but are able to return easily and naturally rather than constantly swinging from despair to euphoria.

4. Enough Sleep.

Unhappiness hinders sleep and a low stress level promotes a good night's sleep. So if you're feeling well rested, most likely you're a pretty happy camper.

Bonus Fact:

Making \$60,000 more in annual income has less of an effect on your daily happiness than getting one extra hour of sleep a night.

9. Get Unplugged.

Want to be happier? Turn off the television. Research shows that people who spend the most time watching television are the least happy in the long run.

5. Self-trust.

Those who constantly doubt their own judgment are especially prone to a wide range of psychological problems - such as mood swings, lower self-esteem, anxiety and depression.

10. Smile.

Happy people smile from the inside, their mouths turning up at the edges without their control.

INFOGRAPHIC BROUGHT TO YOU BY WWW.NETWORX.COM

LAWATAN



LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH SPRM SELANGOR KE PTGS

Lawatan Kunjungan hormat Pengarah SPRM Selangor, TPJ Dato' Wan Ramli bin Wan Abdullah ke PTGS pada 21 Jun 2017 bagi membincangkan kolaborasi program antara PTGS dan SPRM seperti program Ikrar Bekas Rasuah (IBR) dan sebagainya.




LAWATAN PELAJAR KUIS KE PTGS

Pada 5 Januari 2017, PTGS telah dikunjungi oleh para pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Lawatan ini bertujuan untuk mengkaji dan mengetahui mengenai Kedudukan Tanah Rizab Melayu menurut peruntukan undang-undang dan isu-isu yang berkaitan. Penolong Pegawai Tanah PTGS, En. Badrul Azmi menjadi mentor dan sudi berkongsi ilmu kepada para pelajar sepanjang lawatan mereka ke PTGS.




ILMU / KURSUS / BENGKEL



KURSUS PENGGUNAAN PERISIAN QUANTUM GIS

Quantum GIS merupakan perisian gis open source yang juga boleh digunakan untuk pengumpulan data GIS. Perisian ini dapat diperolehi secara percuma dan pengguna boleh mengemaskini versi terbaru pada bila-bila masa apabila diperlukan tanpa perlu memikirkan tentang kos. Justeru kursus ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pengguna perisian gis berkenaan perisian open source yang terdapat di pasaran sebagai pilihan kepada kakitangan dalam membuat kerja-kerja pengumpulan dan semakan data gis serta sebagai pengetahuan tambahan.

Para peserta adalah pengguna SeLIS di bahagian pengambilan dan penguatkuasaan tanah dan Bahagian teknologi maklumat.



BENGKEL PENAMBAHBAIKAN SURAT SISTEM E-CONSENT

Satu bengkel telah diadakan pada 28 Mac 2017 bertempat di Makmal Latihan Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat.

Objektif bengkel diadakan adalah untuk menambahbaik format surat pindah milik dan gadaian bagi proses kebenaran consent.

Bengkel tersebut dihadiri oleh 9 Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Daerah dan seorang wakil daripada JKPTG.

KURSUS PENGGUNAAN SISTEM E-SURAT

Kursus Penggunaan Sistem e-Surat telah dilaksanakan pada 23 Mei 2017. Bertempat di Makmal Kuarza, Tingkat 3, Bahagian Teknologi Maklumat.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan kemahiran kepada pentadbir surat di setiap bahagian berkenaan penggunaan sistem e-Surat. Kursus tersebut telah dilaksanakan dan seramai 18 orang telah menghadirinya.



PEMANTAPAN DASAR-DASAR PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN BERKAITAN PERMOHONAN PEMBANGUNAN DAN PELUPUSAN TANAH NEGERI SELANGOR

Kursus Pemantapan Dasar-Dasar Pentadbiran dan Pengurusan Berkaitan Permohonan Pembangunan dan Pelupusan Tanah Negeri Selangor diadakan pada 1 hingga 3 Mac 2017 bertempat di Puchong melibatkan pegawai-pegawai PTGS dan sembilan (9) Pejabat Tanah/Daerah. Kursus ini dirangka selaras dengan arahan Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri supaya proses di dalam pentadbiran dan pengurusan berkaitan Pembangunan dan Pelupusan Tanah dibuat dengan segera agar peningkatan hasil negeri lebih optimum.

Pengisian kursus ini membincangkan dan menyeragamkan penggunaan dasar-dasar dan format-format terbaru berkaitan pentadbiran dan pengurusan yang akan diguna pakai oleh semua Pejabat Tanah Daerah dalam Negeri Selangor bagi permohonan Pembangunan dan Pelupusan Tanah.

Antara format dan dasar yang disemak di dalam perbincangan tersebut adalah mengenai:

1. Kertas Ringkasan Permohonan;
2. Senarai Semak Permohonan;
3. Carta Alir Permohonan;
4. Borang Tindakan Kerja; dan
5. Laporan Prestasi Kerja Bulanan.

Hasil daripada kursus ini, Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah telah melaksanakan penyelarasan dan penyeragaman Kertas-Kertas Ringkasan bagi permohonan yang diterima daripada Pejabat Tanah Daerah di Negeri Selangor. Disamping itu, tugas yang dilaksanakan di peringkat daerah akan lebih teratur dengan adanya manual kerja seperti senarai semak permohonan sehingga penyediaan borang tindakan kerja selari dengan piagam pelanggan dan memenuhi aspek keperluan pelanggan.





BENGKEL PEMADANAN DATA PDUK – SPBT BAGI KEPERLUAN SISTEM *E-CHARTING*

Satu bengkel untuk memadankan data Hakmilik Tanah (SPTB) ke atas data lot tanah NDCDB dari JUPEM telah dilaksanakan pada 12 hingga 14 April 2017 bertempat di Kinrara Resort.

Melalui bengkel ini, setiap peserta telah diajar proses pemadanan data SPTB-NDCDB dengan menggunakan kaedah pemadanan no. lot dan no. PA.



ILMU / KURSUS / BENGKEL

BENGKEL PENYEDIAAN "ANNOTATED" KES-KES MAHKAMAH (SIVIL) BERKAITAN ISU PENDAFTARAN HAK MILIK TANAH (SIRI 1)

Pada 16 Mac 2017 hingga 18 Mac 2017 yang lalu, telah berlangsungnya satu Bengkel Penyediaan "Annotated" Kes-Kes Mahkamah (Sivil) Berkaitan Isu Pendaftaran Hak Milik Tanah (Siri 1). Bengkel telah diadakan selama tiga (3) hari dua (2) malam di Hotel Amverton Cove Golf & Island Resort, Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor. Bengkel telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Ahmad Sualdi Bin Abd Rahim, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor.

Bengkel ini turut dihadiri oleh Penolong Pegawai Daerah dari Unit Pendaftaran Hakmilik di setiap Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor, Penolong Pegawai Undang-Undang Pejabat Daerah dan Tanah di setiap daerah di Negeri Selangor serta pegawai-pegawai dari Bahagian Pendaftaran Hak Milik Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS).



Bengkel ini juga turut menjemput pegawai-pegawai Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor untuk membentangkan dan memberi pencerahan mengenai kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah. Bengkel ini secara langsung juga telah melihat kepada *Standard Operating Procedure (SOP)* dalam urusan melibatkan pendaftaran. Objektif utama bengkel ini adalah untuk menyelaras keputusan kes-kes Mahkamah dengan peruntukan-peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara, 1965 terutama berkaitan dengan isu pendaftaran hak milik supaya tuntutan kecuai (terutamanya) terhadap Pejabat Tanah dapat dielakkan.

Bengkel telah berlangsung dengan jayanya dan turut dihadiri oleh Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor sendiri iaitu, Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman. Majlis penutupan bengkel telah disempurnakan oleh YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

PEMANTAPAN FORMAT-FORMAT PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN BERKAITAN BAHAN BATUAN NEGERI SELANGOR.

Hasil daripada Mesyuarat Penyelaras Permit Bahan Batuan dan Mineral Bil. 1/2017, Mesyuarat telah bersetuju satu bengkel penyelaras dan penyeragaman semula format-format pentadbiran dan pengurusan berkaitan Program diadakan selama tiga (3) hari di Puchong. Inisiatif ini diadakan bertujuan agar proses di dalam pentadbiran dan pengurusan berkaitan bahan batuan terutama permit-permit pengeluaran bahan batuan dapat dilaksanakan dengan segera supaya peningkatan hasil negeri lebih optimum.

Program ini melibatkan pegawai-pegawai dan kakitangan PTGS dan Pejabat Daerah Tanah dari seluruh Negeri Selangor yang menjalankan urusan pengurusan bahan batuan di Negeri Selangor bagi menyemak format-format berkaitan permohonan pengeluaran permit bahan batuan seperti Kertas Ringkasan Permohonan, Surat-surat Pentadbiran, Pelan Tapak, Pengurusan Docket, dan Data-Data (Kutipan Royalti & Permit).

Di dalam kursus ini juga, sesi *refreshment* bagi dasar-dasar berkaitan pengurusan bahan batuan diadakan bagi memantapkan lagi pemahaman pegawai dan kakitangan terlibat. Kursus ini turut dirasmikan oleh Tuan Najmuddin bin Jemain; Timbalan Pengarah (Pengurusan).





SIASATAN PEMBATALAN WARTA SEKSYEN 64, KANUN TANAH NEGARA, 1965 BAGI DAERAH HULU LANGAT, PETALING DAN KLANG

Pada 19 Mei 2017 yang lalu, Bahagian Perundangan, Pejabat Tanah dan Galian Selangor, telah mengadakan satu siasatan pembatalan warta seksyen 64, Kanun Tanah Negara, 1965 bagi daerah Hulu Langat, Petaling dan Klang. Siasatan ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat Gemilang 1, Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Bermula jam 9.00 pagi dan telah berakhir pada jam 11.30 pagi. Siasatan turut dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat, Petaling dan Klang. Siasatan juga dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada badan-badan kerajaan dan swasta.

PERBINCANGAN BERKENAAN PENGENDALIAN KERTAS SIASATAN BAGI KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 425 DAN SEKSYEN 426 KANUN TANAH NEGARA, 1965

Pada 26 Mei 2017 yang lalu, Bahagian Perundangan Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah mengadakan satu mesyuarat bagi membincangkan pengendalian kertas siasatan bagi kesalahan di bawah seksyen 425 dan 426 Kanun Tanah Negara, 1965. Bertempat di Bilik Mesyuarat Gemilang 2, Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

Mesyuarat telah dihadiri oleh semua Penolong Pegawai Undang-undang daripada semua daerah di Negeri Selangor. Ia turut dihadiri juga adalah Penolong Pegawai Tanah dan Penolong Pegawai Daerah daripada Bahagian Penguatkuasaan Pejabat Daerah dan Tanah masing-masing. Perbincangan dipengerusikan oleh Pegawai Undang-undang Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Puan Salwati Binti Umar. Perbincangan ini adalah bertujuan untuk

berbincang dan berkongsi ilmu mengenai tatacara pengendalian kertas siasatan bagi kesalahan di bawah seksyen 425 dan 426 Kanun Tanah Negara, 1965.

Selain itu juga, perbincangan ini diadakan bagi memberikan pendedahan kepada semua Penolong Pegawai Undang-undang di daerah berkenaan dengan tatacara semakan dan pengendalian kertas siasatan sebelum dihantar semula ke Pegawai Penyiasat Daerah masing-masing dan sebelum dikemuka ke Timbalan Pendakwa Raya.



KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN PTGS



MAJLIS KHATAM QURAN DAN IHYA' RAMADAN

Pada 15 Jun 2017, PTGS melalui Biro Agama Kelab Kebajikan dan Sukan PTGS telah mengadakan Majlis Khatam Quran dan Ihya' Ramadan bertempat di Dewan Annex, DUN Selangor.

Majlis Bacaan Khatam Al-Quran dibaca oleh peserta-peserta yang terdiri daripada warga kerja PTGS dan disemak oleh Ustaz Sharom bin Maarof dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Sesi tersebut turut dimeriahi dengan edaran sumbangan Hari Raya dan edaran bubur lambuk daripada Kelab Kebajikan Dan Sukan PTGS kepada wargakerja PTGS.



KELAHIRAN


BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



Nama Pegawai : **Zarifah binti Hj Mustafa**
 Nama Suami : Muhamad Fazli bin Saimon
 Nama Anak : Asiyah Nur Maryam binti Muhamad Fazli
 Tarikh Lahir : 1 Januari 2017

“A Baby is **ble**ssing. A gift from **He**aven above, A precious little **an**gel To **Ch**erish and to love”

Nama Pegawai : **Mohd Jeffry bin Omar**
 Nama Isteri : Siti Nur Nadirah binti Ibrahim
 Nama Anak : Nur Amna Zahra binti Mohd Jeffry
 Tarikh Lahir : 27 Januari 2017



Nama Pegawai : **Zafrah binti Zainuddin**
 Nama Anak : Ayeesha Zaheen Zechariah binti Zaheer Zechariah
 Nama Suami : Zaheer Zechariah
 Tarikh Lahir : 21 April 2017



BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT



Nama Pegawai : **Asfa Zuhairan binti Hassan**
 Nama Suami : Ahmad bin Izzuddin
 Nama Anak : Aqeel Izzul Amin Bin Ahmad Izzuddin
 Tarikh Lahir : 7 April 2017

KELAHIRAN

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT



Nama Pegawai : **Mohd Afeefi bin Ahmad Masri**
 Nama Anak : Nur Najla Mikayla binti Mohd Afeefi
 Tarikh Lahir : 27 Mei 2017



Nama Pegawai : **Mohamed Syahid bin Mohamed Yunus**
 Nama Anak : Nur Nawwar binti Mohamed Syahid
 Tarikh Lahir : 17 April 2017

BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN TANAH



Nama Pegawai : **Siti Salwa binti Bahadin**
 Nama Suami : Mohd Fauzi
 Nama Anak : Nur Warda Ameenah binti Mohd Fauzi
 Tarikh Lahir : 24 Februari 2017

UNIT PENYELESAIAN HAKMILIK/UNIT PETUGAS KHAS

Nama Pegawai : **Siti Fatimah binti Mahat**
 Nama Isteri : Muhd Saiful Anuar bin Muhd Radzali
 Nama Anak : Muhammad Aidil Falah bin Muhd Saiful Anuar
 Tarikh Lahir : 27 Jun 2017



**SEMAKAN DAN BAYAR CUKAI TANAH
ANDA SEBELUM 31 MEI SETIAP TAHUN
UNTUK MENGELAKKAN FI TUNGGAKAN**



**Anda Memiliki Rumah? Kedai? Hartanah Di
Negeri Selangor? Ada Cukai Tanah Yang Perlu
Anda Jelaskan?**



Pembayaran secara perbankan internet hendaklah dibayar atas nama / 'payee'
Pejabat Pengarah Tanah & Galian Selangor ATAU Pejabat Tanah & Galian
Selangor



Pembayaran melalui kaunter di seluruh
Negeri Selangor seperti:

Pejabat Daerah / Tanah
Pihak Berkuasa Tempatan
Pejabat Tanah & Galian Selangor
Pejabat Pos Malaysia Di Negeri Selangor
& Wilayah Persekutuan



Semakan boleh dilakukan di
Pejabat Daerah / Tanah yang
berdekatan atau menerusi mySMS
15888

LANGKAH-LANGKAH

LANGKAH

1

Taipkan:
PTGS CUKAI (No. Akaun)
dan hantar SMS ke 15888

LANGKAH

2

Contoh Paparan:
PTGS CUKAI
010114454400555445666

LANGKAH

3

Contoh mesej penerima:
PTGS Cukai Tanah bagi akaun
010114454400555445666 untuk tahun
2017 yang perlu dijelaskan adalah
RM150.00

